

# Jaminan Kontrak / Insurans Bon

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Jaminan Kontrak / Insurans Bon. Pastikan anda juga membaca syarat-syarat dan peraturan am.)

Tarikh:

### 1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

Insur Bon pada asasnya ialah kontrak jaminan yang diberikan oleh sebuah Syarikat nsurans (penjamin). Kontrak ini menjamin satu pihak (principal) bahawa Yang Diinsuranskan akan menunaikan kewajipannya (untuk membayar sejumlah wang atau untuk melaksanakan kontrak).

Jenis bon yang paling biasa digunakan berkaitan industri pembinaan adalah:

- i) Bon Bida atau Bon Tender
- ii) Bon Prestasi
- iii) Bon Bayaran Pendahuluan (untuk Kontrak Kerajaan sahaja)

Semua penerimaan Bon merujuk kepada PIAM Garis Panduan Taja Jamin Bon yang dilaksanakan pada 01 Jun 2000.

### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

#### 2.1 Bon Bida atau Bon Tender

Ini adalah satu jaminan yang dikehendaki berhubung dengan penyerahan tender untuk kontrak kerja dengan Pihak Berkuasa Awam atau Prinsipal Persendirian di mana berkenaan.

Nilai bon biasanya adalah jumlah tetap yang ditentukan oleh Prinsipal.

Objektif utama bon ini ialah untuk menjamin bahawa kontraktor yang mendapat kontrak akan menerima Kontrak menurut syarat-syarat yang dikemukakan olehnya kepada Prinsipal. Jika beliau tidak dapat mengekalkan sebut harganya, Bon akan ditunaikan dan Prinsipal akan meminta Penjamin membayar kerugian yang ditanggung sehingga jumlah bon.

#### 2.2 Bon Prestasi

Bon jenis ini biasanya dikehendaki oleh Prinsipal untuk memastikan Kontraktor menunaikan kewajipannya di bawah kontrak seperti dalam tempoh yang ditetapkan atau menurut syarat kontrak.

Nilai bon biasanya adalah 5% daripada nilai kontrak tetapi ini mungkin berbeza.

Jika Kontraktor tidak melaksanakan kontrak dalam tempoh yang ditetapkan dan jika tempoh lanjutan tidak diberikan, Bon atau Jaminan akan ditunaikan.

#### 2.3 Bon Bayaran Pendahuluan (untuk Kontrak Kerajaan sahaja)

Bon jenis ini hanya dibenarkan untuk Kontrak Kerajaan di bawah Garis Panduan Taja Jamin PIAM.

Ini dikehendaki sekiranya Kontraktor memohon bayaran pendahuluan daripada Prinsipal untuk membantu membiayai kos permulaan dan kerja pengerahan kontrak.

Nilai bon biasanya antara 15% hingga 25% daripada jumlah nilai kontrak. Nilai bon berkurangan menurut nisbah jumlah nilai yang dilaksanakan.

Bayaran pendahuluan sedemikian akan dibayar balik secara berperingkat oleh Kontraktor daripada bayaran peringkat siap bagi kerja yang telah dilaksanakan, yang mana jumlahnya ditentukan oleh Prinsipal. Bagaimanapun, jika Kontraktor melarikan diri Bersama wang sebelum kerja bermula atau meninggalkan projek separuh jalan sebelum Prinsipal mendapat balik sepenuhnya bayaran pendahuluan daripada bayaran peringkat siap, Prinsipal berhak untuk menunaikan bon.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk ini dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM yang boleh didapati di laman web kami [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my) atau di laman web PIDM [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my).

### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada keperluan taja jamin Syarikat insurans: Anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM\_ (Cukai [yang mana berkenaan])

Minima Premium sebanyak RM200.00 mesti dikenakan untuk setiap Bon.

Sila rujuk terus kepada ejen atau syarikat insurans untuk maklumat lanjut.

#### **4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

##### **Jenis**

- Komisen dibayar kepada ejen
- Semua caj duti setem yang perlu dibayar di bawah Akta Duti Setem 1949 hendaklah ditanggung oleh Peserta

##### **Jumlah**

10% daripada premium atau RM\_\_\_\_\_

Caj duti setem semasa adalah seperti berikut:-

- i) Bon - RM10.00
- ii) Surat Indemniti - RM10.00 setiap satu

Nota: Caj penalti yang ditanggung dalam penyetaman dokumen selepas tempoh tangguh 30 hari mesti ditanggung oleh kontraktor melainkan kelewatan itu disebabkan oleh Pengendali Insurans. Penalti yang diperuntukkan di bawah Akta Duti Setem adalah seperti berikut:-

- a) Tidak melebihi 3 bulan – RM25.00;
- b) Lebih dari 3 bulan sehingga 6 bulan – RM50.00;  
dan
- c) Lebih dari 6 bulan – RM100.00

- Caj Perkhidmatan
- Cukai (yang mana berkenaan)
- Sekuriti Cagaran Tunai

Min. 0.25% setahun tertakluk kepada min. RM50.00  
8% daripada premium

- i) Bon RM2.0 juta & ke bawah: Min. 20% daripada nilai Bon yang diinsuranskan
- ii) Bon melebihi RM2.0 juta: Min. 20% daripada RM2.0 juta pertama dan  
Min. 50% ke atas nilai yang melebihi RM2.0 juta

#### **5. Apakah antara syarat-syarat dan peraturan penting yang saya patut ketahui?**

##### **5.1 Cara bayaran untuk Bon: TUNAI-SEBELUM-PELEPASAN**

Bayaran (iaitu premium dan cagaran tunai) mesti diterima oleh Penginsurans sebelum Bon dilepaskan.

##### **5.2 Kepentingan Penyimpanan Resit dan Terma & Syarat Utama yang lain:**

Sila rujuk pautan ini: <https://zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions>.

5.3 Setiap dokumen (sebagaimana dalam Senarai Semak Dokumen Bon kami) adalah penting untuk penilaian daya maju kewangan projek yang dicadangkan dan mesti ditulis dengan amat teliti. Kontraktor mesti mempunyai kedudukan yang kukuh, dari segi teknikal dan kewangan, dan mempunyai rekod yang baik. Kontraktor yang paling tidak diingini adalah syarikat-syarikat yang ditubuhkan untuk menggunakan pengaruh politik (bukan pengalaman dan rekod kejayaan mereka) untuk mendapatkan kontrak dan kemudian menyerahkan seluruh projek kepada pihak lain. Di bawah keadaan sedemikian, kontraktor utama biasanya hilang kawalan ke atas projek dan melainkan kontraktor kecil berkenaan mempunyai reputasi yang baik dan rekod yang cemerlang, kemungkinan projek untuk gagal adalah lebih tinggi daripada kontraktor yang mengekalkan sebahagian besar kawasaln ke atas projek.

##### **5.4 Terdapat ciri-ciri khusus tertentu dalam Bon:-**

- a) Sebaik Sahaja diberikan, Bon tidak boleh dibatalkan sebelum Tarikh luputnya dan surat pelepasan mesti diperolehi daripada Prinsipal / Benefisiari Bon.
- b) Semua Bon yang dikeluarkan kepada kontraktor untuk projek Kerajaan adalah bon permintaan (dalam bentuk Jaminan Insurans) dan ditulis dengan cara yang membolehkan ia dikuatkuasakan oleh pemegang bon tanpa sebarang sebab dna penjelasan. Penginsurans mesti membuat pembayaran apabila dituntut tanpa mengira sebarang pertikaian atau bantahan oleh kontraktor atau penginsurans atau mana-mana pihak ketiga.

##### **5.5 Bon secara asasnya adalah taja jamin menerusi Ejen yang mahir dalam urusan ini.**

#### **6. Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?**

Tiada pengecualian ditetapkan dalam dokumen Bon/ polisi. Walaubagaimanapun, Penginsurans tidak dibenarkan untuk menaja jamin jaminan kewangan dan bon/ indemnity seperti disenaraikan di bawah:-

- 1) Agensi Pekerja Asing yang terlibat dalam pengambilan pekerja asing. Ini termasuk agensi pembantu rumah asing.
- 2) Agensi pelancongan bagi pengurusan pelancong asing di Malaysia.
- 3) Sijil saham yang hilang

Bon/ Indemnity yang tidak boleh ditaja jamin oleh Penginsurans termasuk tetapi tidak terhad kepada senarai yang dinyatakan di atas.

Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk terus kepada ejen atau syarikat insurans untuk maklumat lanjut.

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi?**

Tidak boleh. Sebaik sahaj Bon diberikan, ia tidak boleh dibatalkan sebelum Tarikh luput dan surat pelepasan mesti diperolehi daripada Prinsipal/ Benefisiari Bon.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat pertukaran dalam maklumat hubungan saya?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami tentang sebarang pertukaran dalam maklumat hubungan anda untuk memastikan semua surat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di: Zurich General Insurance Malaysia Berhad Tingkat 23A, Mercu 3, No. Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622 E-mel: [CallCentre@zurich.com.my](mailto:CallCentre@zurich.com.my)

**10. Jenis Insurans Bon lain yang ditawarkan.**

- Tiada

**NOTA PENTING**

ZURICH GENERAL INSURANCE MALAYSIA BERHAD DIBERIKAN LESEN DI BAWAH AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN DIKAWAL SELIA OLEH BANK NEGARA MALAYSIA.

JIKA CADANGAN / PERAKUAN PEMEGANG POLISI / PEMEGANG INSURANS ADALAH TIDAK BENAR ATAU DISALAHSAMPAIKAN / DI SALAHNYATAKAN DALAM APA JUA CARA, MAKA POLISI INI BOLEH MENJADI TIDAK SAH.

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHWA POLISI INI ADALAH YANG TERBAIK UNTUK KEPERLUAN ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN/BROKER ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MENDAPATKAN LEBIH BANYAK MAKLUMAT.

Maklumat yang terkandung dalam lembaran pendedahan ini sah mulai .....

**NOTIS PENTING**

Semua premium dan yuran yang tertera dalam dokumen ini mungkin tertakluk kepada cukai atau levi Kerajaan yang lain.

Zurich General Insurance Malaysia Berhad  
No. Pendaftaran 201701035345 (1249516-V)  
Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622  
[www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)

